

Lebih 300 peserta sertai program larian UPMKB

BINTULU: Lebih 300 peserta menyertai Program Putra Colour Run New Year 2024: 'Sometimes all you need is a little splash of color to brighten up your life' yang diadakan di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan, aktiviti

larian anjuran Majlis Perwakilan Kolej (MPK) Kolej Sri Rajang Sesi 2023/2024 itu dilakukan dengan kerjasama Kolej Sri Rajang UPMKB dan Bintulu Runner Event.

"Kolej Sri Rajang UPMKB mencatatkan seramai 344 pendaftaran yang telah diterima daripada

warga UPMKB dan orang awam di sekitar Bintulu serta antarabangsa termasuk warganegara Indonesia dan juga China.

"Program ini turut mendapat tajaan atau sumbangan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samalaju, Dato Majang Renggi serta syarikat-syarikat

mahupun badan bukan kerajaan (NGO) yang cukup prihatin di sekitar Bintulu," katanya.

Dalam kenyataan itu, pihak Kolej Sri Rajang, UPMKB berharap agar usaha-usaha seumpama mendapat sokongan yang positif daripada semua pihak pada masa akan datang.

"Selari dengan slogan 'Badan Sihat, Minda Cerdas' merupakan amalan gaya hidup sihat yang dapat diamalkan oleh semua orang, pihak Kolej Sri Rajang akan terus komited selaku penganjur untuk terus mengadakan program larian demi kebaikan kesihatan pelajar serta komuniti," ujarnya.